

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Northern Corridor Research Centre (NCRC)
Sent: 29 Jun 2016 8:49
To: UUM - All Staff
Subject: SILATURAHIM DIERATKAN MELALUI PROGRAM IHYA' RAMADHAN NCRC



Pusat Penyelidikan
Koridor Utara

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE

Universiti Utara Malaysia

RABU, 29 JUN 2016 | 24 RAMADHAN 1437H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)



Program Ihya' Ramadhan NCRC 1437H adalah salah satu program libat-sama komuniti dan 3 Kolej 3 Daerah (3K3D) yang dianjurkan oleh NCRC pada setiap tahun dengan aktiviti utamanya adalah ceramah agama dan penyampaian sumbangan kepada komuniti sekitar UUM. Pada tahun ini, seramai 16 orang staf UPSB yang berkhidmat di Bangunan Pusat Konvensyen dan staf UPSB yang pernah berkhidmat di NCRC telah diraikan dalam program ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Yassin yang diketuai oleh Encik Mohammad Taufiq Othman, Pegawai Penyelidik Sosial NCRC. Bagi mengeratkan silaturahim, sesi taaruf antara staf NCRC dan UPSB dijalankan berikutan NCRC baru sahaja berpindah ke ruang pejabat baru di Bangunan Pusat Konvensyen. Sumbangan kuih raya dan barangan keperluan seperti gula, minyak, teh, kopi dan lain-lain telah disampaikan oleh Penolong Pengarah NCRC, Puan Yati Arikah Mohd Yusoff mewakili Pengarah NCRC.

Majlis juga diserikan lagi dengan penyampaian tazkirah oleh Dr. Mohamad Khadafi Hj. Rofie yang bertajuk "Tiga golongan yang doanya tidak ditolak oleh Allah S.W.T". Semoga dengan penganjuran program seperti ini memberi manfaat kepada semua selain menambah ilmu serta menyemai semangat suka bersedekah dan berkongsi rezeki kepada yang lain. Diharapkan doa semua yang hadir diterima oleh Allah S.W.T.

Menurut Puan Siti Ramlah Yaakob yang pernah berkhidmat di NCRC menyatakan bahawa beliau berasa amat bersyukur dan terima kasih kerana semua warga NCRC masih mengingatinya dan berharap silaturahim yang terbina akan terus berkekalan walaupun tidak lagi berkhidmat di NCRC setelah berpindah.

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua staf NCRC dan juga Kelab Kebajikan dan Rekreasi NCRC di atas sumbangan yang dihulurkan sehingga program ini dilaksanakan dengan jayanya.

=====

DARIPADA:

NORTHERN CORRIDOR RESEARCH CENTRE (NCRC)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 6559

FAKS: 04-928 6561

E-MEL: ncrc@uum.edu.my

WEBSITE: www.ncrc.uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer:

This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited.

If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the

official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or

corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.